

**NOVEL POPULAR ISLAMI INDONESIA
DAN MALAYSIA: SATU KAJIAN GENERIK
DAN PSIKOLOGI ISLAM**

ROSMAH BINTI DERAK

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2013

**NOVEL POPULAR ISLAMI INDONESIA DAN MALAYSIA:
SATU KAJIAN GENERIK DAN PSIKOLOGI ISLAM**

oleh:

ROSMAH BINTI DERAK

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan
bagi Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2013

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian kepada-Nya, selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah kerana dengan izin dan limpah kurnia dari-Nya, akhirnya tesis ini berjaya disiapkan meskipun pelbagai halangan terpaksa ditempuh. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Dr. Sohaimi Abdul Aziz yang sentiasa memberikan bantuan, cadangan dan tidak pernah jemu memberikan idea dan kritikan kepada saya untuk memantapkan penulisan tesis ini. Sesungguhnya, tesis ini tidak mampu disiapkan tanpa bimbingan serta tunjuk ajar yang berterusan daripada beliau.

Sekalung penghargaan dan rasa terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Syakirah Mat Akhir, pensyarah Pengajian Islam kerana sudi meluangkan masa untuk berbincang, memberi idea dan sokongan moral kepada saya untuk terus menyelesaikan penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih juga saya dedikasikan buat semua pensyarah di Bahagian Kesusastraan yang telah mendidik dan mencurahkan ilmu kepada saya sejak berada di peringkat Ijazah Sarjana Muda lagi. Hanya Allah sahaja yang dapat membala jasa kalian.

Sesungguhnya, tesis ini tidak akan berhasil tanpa bantuan kewangan daripada Kementerian Pengajian Tinggi menerusi biasiswa Bajet Mini 2009 yang telah menaja keseluruhan yuran pengajian saya untuk tempoh tiga tahun dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang telah meluluskan pinjaman dan memberi

wang sara hidup selama dua tahun kepada saya. Ucapan jutaan terima kasih kepada pihak berkenaan, kerana dengan bantuan tersebut, ia dapat meringankan sedikit beban kewangan saya untuk meneruskan pengajian dan menjayakan penyelidikan ini.

Seterusnya, di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Profesor Dr. Sohaimi Abdul Aziz yang mengetuai geran FRGS (*Fundamental Research Grant Scheme*) bersama Profesor Dato' Dr. Md Salleh Yaapar yang menjadi penyelidik bersama kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menjadi pembantu penyelidik untuk geran ini. Menerusi geran ini, saya telah didedahkan bagaimana kritikan fitrah ini dibangunkan. Saya merasa bertuah kerana diberi peluang untuk menjadi pembantu penyelidik untuk geran ini dan tesis ini adalah bukti bahawa sistem yang diamalkan di Universiti Sains Malaysia ini berjaya mencapai matlamatnya.

Tidak dilupakan kepada insan yang paling istimewa, Fhaisal Bin Nasir, tunang yang telah banyak berkorban untuk memastikan saya berjaya menyelesaikan penyelidikan ini. Terima kasih di atas segala dorongan, pengorbanan dan kesabaran menunggu saya selama empat tahun bergelut dengan tesis ini. Sesungguhnya, pengorbanan itu sangat bermakna untuk kehidupan saya. Buat keluarga dan teman-teman yang sentiasa memberikan semangat, terima kasih saya diucapkan. Buat arwah ayah dan ibu yang telah kembali ke rahmatullah, tesis ini adalah hadiah buat kalian. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh ayah dan ibu. *Al-Fatihah.*

Akhir kalam, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyelesaikan penulisan tesis ini. Semoga kajian ini dapat memberi sumbangan penting dalam bidang kesusasteraan tanah air.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

Rosmah Binti Derak
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
25 Julai 2013 bersamaan 16 Ramadan 1434 Hijrah

SENARAI KANDUNGAN

HALAMAN

Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	v
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Gambar	xi
Senarai Singkatan	xiii
Abstrak	xiv
Abstract	xvi
BAB SATU: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Kepentingan Kajian	5
1.5 Batasan Kajian	7
1.6 Kajian Lepas	9
1.7 Kerangka Teori dan Konseptual	20
1.7.1 Teori Genre	21
1.7.1.1 Budaya Popular dan Cereka Popular	22
1.7.1.2 Pandangan Sepintas Lalu: Sejarah Novel Popular di Indonesia dan Malaysia	27
1.7.1.3 Sastera Islam, Sastera Berunsur Islam dan Novel Popular Islami	29
1.7.2 Teori Psikologi Islam	33

1.8	Kaedah Kajian	36
1.8.1	Kepustakaan	36
1.8.2	Kaedah Persampelan	37
1.8.3	Kaedah Analisis Tekstual	37
1.8.4	Kaedah Internet	38
1.9	Organisasi Kajian	38
BAB DUA: GENRE NOVEL POPULAR ISLAMI		41
2.1	Pengenalan	41
2.2	Sejarah Kemunculan Novel Popular Islami di Indonesia dan Malaysia	42
2.3	Novel Popular Islami: Genre Sastera Baharu	55
2.3.1	Teks: Struktur Luaran dan Struktur Dalaman	59
2.3.1.1	Struktur Luaran	59
2.3.1.2	Struktur Dalaman	61
2.3.2	Konteks (Pembaca-Penerbit-Pengarang)	63
2.4	Kesimpulan	68
BAB TIGA: KRITIKAN FITRAH		71
3.1	Pengenalan	71
3.2	Kritikan Fitrah dan Prinsip-Prinsipnya	71
3.2.1	Maksud Fitrah	74
3.2.2	Pola Fitrah Manusia	85
3.2.3	Sistem atau Dimensi Fitrah	96
3.2.4	Fakulti Fitrah (Aktualisasi)	105
3.3	Kesimpulan	107

BAB EMPAT: NOVEL POPULAR ISLAMI INDONESIA DAN MALAYSIA	111
4.1 Pengenalan	111
4.2 Unsur Islam Dan Unsur Sensasi	112
4.3 Struktur Luaran Novel	113
4.3.1 Ilustrasi Kulit Novel: Unsur Islam dan Unsur Sensasi	113
4.3.2 Tajuk Novel: Unsur Islam dan Unsur Sensasi	129
4.3.3 <i>Blurb Dan Tagline</i> : Unsur Islam dan Unsur Sensasi	139
4.4 Struktur Dalaman Novel	153
4.4.1 Tema Dan Persoalan: Unsur Islam dan Unsur Sensasi	158
4.4.2 Watak Dan Perwatakan: Unsur Sensasi	171
4.4.3 Teknik Dan Penyampaian: Unsur Islam dan Unsur Sensasi	178
4.5 Perbandingan Novel Popular Islami Indonesia dan Malaysia	184
4.5.1 Persamaan dan Perbezaan: Struktur Luaran Novel	184
4.5.2 Persamaan dan Perbezaan: Struktur Dalaman Novel	197
4.6 Kesimpulan	201
BAB LIMA: POLA FITRAH AKHLAK DALAM NOVEL POPULAR ISLAMI	205
5.1 Pengenalan	205
5.2 Pola Fitrah: Akhlak	206
5.2.1 Fitrah Cenderung Kepada Kebaikan: Berakhlek Mulia	206
5.2.2 Akhlak Tercela: Penyimpangan Fitrah	232
5.3 Perbandingan Pola Fitrah Akhlak Dalam Novel Popular Islami Indonesia dan Malaysia	247
5.4 Kesimpulan	250

BAB ENAM: POLA FITRAH AKIDAH DALAM NOVEL POPULAR ISLAMI	252
6.1 Pengenalan	252
6.2 Pola Fitrah: Akidah	252
6.2.1 Fitrah Mengakui Keesaan Allah	253
6.2.2 Fitrah Manusia Berpotensi Islam, Suci dan Selamat	265
6.3 Perbandingan Pola Fitrah Akidah Dalam Novel Popular Islami Indonesia dan Malaysia	278
6.4 Kesimpulan	281
BAB TUJUH: POLA FITRAH IBADAH DALAM NOVEL POPULAR ISLAMI	283
7.1 Pengenalan	283
7.2 Pola Fitrah: Ibadah	283
7.2.1 Fitrah Manusia Untuk Beribadah	284
7.3 Perbandingan Pola Fitrah Ibadah Dalam Novel Popular Islami Indonesia dan Malaysia	291
7.4 Kesimpulan	293
BAB LAPAN: KESIMPULAN	295
8.1 Pengenalan	295
RUJUKAN	302

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 4.1 <i>Blurb</i> Novel Popular Islami Indonesia dan Malaysia	143
Jadual 4.2 Dialog: Percampuran dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris	180-181
Jadual 4.3 Dialog: Bahasa slanga dalam Novel Popular Islami	183-184

SENARAI RAJAH

	Halaman	
Rajah 2.1	Pembentukan genre novel popular Islami	56
Rajah 3.1	Pola fitrah manusia iaitu Akidah, Ibadah dan Akhlak	86
Rajah 3.2	Tiga aspek nafsan manusia	98

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 4.1 Wanita-wanita bertudung menghiasi kulit novel popular Islami	114-115
Gambar 4.2 Ilustrasi novel popular Islami yang memperlihatkan wanita memakai tudung dan berniqab	115-116
Gambar 4.3 Lelaki lengkap berpakaian, memakai kopiah (<i>Syahadat Cinta</i>), lelaki yang memakai serban sedang bersujud (<i>Tahajjud Cinta</i>) dan wajah wanita bertudung dan berniqab nipis yang boleh dilihat dalam kedua-dua novel	117
Gambar 4.4 Wanita bertudung, memakai pakaian longgar sesuai dengan tuntutan syariat Islam	118
Gambar 4.5 Wanita bertudung tetapi pemakaian tudung tidak sempurna kerana masih memperlihatkan sebahagian rambut hadapannya	118
Gambar 4.6 Novel popular Islami dengan kombinasi warna menarik dan tulisan ‘font’ tajuk novel dibesarkan	121-122
Gambar 4.7 Wajah wanita yang memberi fokus kepada renungan mata, warna mata, alis yang cantik dan hidung yang mancung yang ditutupi oleh niqab	123
Gambar 4.8 Wajah wanita yang ayu dan jelita	124-125
Gambar 4.9 Ilustrasi kulit novel popular Islami edisi asal Indonesia dan edisi terjemahan intralingual Malaysia	126-127
Gambar 4.10 Empat buah novel popular Islami Indonesia (memakai tudung) dan menutup aurat dengan sempurna dan tiga daripadanya memakai niqab	185
Gambar 4.11 Lima buah novel popular Islami Malaysia yang menunjukkan gambar wanita bertudung dan menutup aurat dengan sempurna dan dua daripadanya memakai niqab	185
Gambar 4.12 Novel popular Islami Indonesia (atas) dan Malaysia (bawah) yang menggunakan wanita sebagai penghias kulit depan novel dan turut memberi tumpuan kepada keayuan wajah wanita bertudung dan mata wanita yang galak ditutupi niqab.	186

Gambar 4.13 Ilustrasi kulit novel popular Islami edisi asal Indonesia (kiri) dan edisi terjemahan Malaysia (kanan)	188
Gambar 4.14 Tiga ilustrasi kulit novel edisi asal Indonesia (atas) yang telah diberi imej baharu oleh penerbit Malaysia (bawah)	188
Gambar 4.15 Lima buah novel popular Islami Indonesia yang menggunakan perkataan berunsur Islam sebagai tajuk novel	190-191
Gambar 4.16 Dua buah novel popular Islami Malaysia yang menggunakan perkataan berunsur Islam sebagai tajuk novel	191
Gambar 4.17 Empat buah novel popular Islami Indonesia (gambar atas) dan satu novel popular Islami Malaysia yang menggunakan perkataan ‘cinta’ sebagai tajuk novel (gambar bawah)	192
Gambar 4.18 <i>Font</i> perkataan ‘cinta’ dibesarkan. Perkataan berunsur Islam dikecilkan sedikit berbanding perkataan ‘cinta’ kecuali bagi novel <i>Derap-Derap Tasbih</i>	194
Gambar 4.19 <i>Font</i> bagi perkataan ‘cinta’ lebih kecil berbanding perkataan ‘syurga’ kerana Islam lebih ditekankan berbanding cinta	195
Gambar 4.20 Novel popular Islami Indonesia dan <i>tagline</i> yang digunakan untuk memperagakan novel	196-197

SENARAI SINGKATAN

As	<i>Alaihissalam</i>
FLP	Forum Lingkar Pena
Hlm	Halaman
RA	<i>Radiallahuanhu</i>
SAW	<i>Sallallahualaihiwasallam</i>
SWT	<i>Subhanahuwataala</i>

NOVEL POPULAR ISLAMI INDONESIA DAN MALAYSIA: SATU KAJIAN GENERIK DAN PSIKOLOGI ISLAM

ABSTRAK

Novel popular Islami yang muncul di Indonesia dan Malaysia mutakhir ini telah menggunakan unsur Islam sebagai satu ciri penting di dalamnya. Sejauhmanakah unsur Islam itu mempunyai kedudukan yang penting di dalam novel-novel ini? Apakah ia satu genre yang mempunyai identiti yang tersendiri yang boleh diperikan? Permasalahan-permasalahan ini menjadi satu titik tolak untuk kajian ini dilakukan. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti ciri genre novel popular Islami dengan menggunakan pendekatan generik yang dibangunkan berdasarkan teks (struktur luaran dan dalaman) dan konteks iaitu pembaca, penerbit dan pengarang. Objektif kedua iaitu menganalisis genre novel popular Islami Indonesia dan Malaysia untuk meneliti unsur Islam dan komersialisme (unsur sensasi) dalam membentuk genre novel popular Islami ini. Objektif ketiga pula ialah menganalisis pola fitrah manusia yang berkaitan dengan akhlak, akidah dan ibadah dalam novel popular Islami bagi meneliti unsur Islamnya dengan lebih jelas dan sistematik dengan kritikan fitrah. Objektif terakhir iaitu membandingkan novel popular Islami dari Indonesia dan Malaysia dari segi struktur luaran iaitu tajuk, ilustrasi, *blurb*, *tagline* dan struktur dalaman seperti tema dan persoalan, watak dan perwatakan, teknik penyampaian dan membandingkan pola fitrah watak dengan kritikan fitrah untuk melihat persamaan dan perbezaan. Bagi mencapai objektif-objektif ini, dua pendekatan digunakan iaitu teori generik dan kritikan fitrah. Kajian mendapati, nama genre yang sesuai diberikan terhadap novel-novel ini ialah novel popular Islami berdasarkan kepada analisis yang dilakukan terhadap teks (struktur dalaman dan luaran) dan konteks (pembaca,

penerbit dan pengarang). Melalui kritikan fitrah yang diaplikasikan ke atas novel-novel yang dikaji, didapati bahawa pola fitrah yang berakhlak mulia yang diketengahkan oleh pengarang sangat dominan berbanding pola fitrah akidah dan ibadah. Hal ini kerana, novel popular Islami lebih ringan sifatnya dan persoalan tentang akhlak sangat sesuai dengan pembacanya yang terdiri daripada golongan remaja berbanding persoalan yang lebih berat seperti akidah dan ibadah (dalam sastera Islam). Oleh yang demikian, pola fitrah yang berkaitan dengan akidah dan ibadah dalam novel popular Islami lebih bersifat ‘secondary’ dan ia hanya digunakan untuk menguatkan lagi fitrah manusia yang berakhlak mulia. Hasil daripada perbandingan yang dilakukan, kajian mendapati novel popular Islami Indonesia lebih menekankan unsur sensasi apabila dirujuk struktur luaran dan dalamannya berbanding Malaysia. Justeru, jelas bahawa aspek komersialismenya lebih menyerlah berbanding unsur Islam yang ditonjolkan.

POPULAR ISLAMIC NOVELS OF INDONESIA AND MALAYSIA: A STUDY OF GENERIC AND ISLAMIC PSYCHOLOGY

ABSTRACT

Popular novels that have sprouted in Indonesia and Malaysia recently are novels that are based on and driven by Islamic elements. Which then gives rise to certain defining questions which are ‘how extensive is the base influence of the Islamic elements in said novels?’ and ‘does the presence of these elements signal the emergence of a new distinct and categorical genre?’ These questions are the catalyst behind the formulation and initiation of this study. The objective of the study carried out can be divided into four. The first objective is to identify Islamic novels genre using generic approach that was developed based on the internal and external structure of the text, in addition to the context (readers, publishers, and author). The second objective in the study is the analysis of popular Indonesia and Malaysia Islamic novels to scrutinize commercial and Islamic elements in shaping the genre of these popular Islamic novels. The next objective of this study is to analyse human nature related to morality, beliefs (*akidah*), and religious rites (*ibadah*) in these novels to see its Islamic elements in a clearer and more systematic way by using *fitrah* criticism. Finally, the fourth and the last objective is to compare popular Indonesia and Malaysia Islamic novels from its external structure which are the title, illustration, blurb, and tagline, as well as the internal structure such as the theme and its issues, characters and their characteristics, delivery techniques, and also to find the differences and similarities between the characters’ *fitrah* pattern using *fitrah* criticism approach. Two specific theories were employed to achieve the said objectives, namely the generic theory and criticism on human nature (*fitrah* criticism). Based on the study, it is found that these novels can be categorized under

the specific genre of ‘popular Islamic novels’. This categorization is justified by the analysis of the internal and external structure of the novels and its context (readers, publishers and authors). The Islamic elements found in the said novels were identified through the criticism on human nature (*fitrah* criticism) based on the concept of *fitrah* as found in the teachings of Islam. As such, through the application of the said method of criticism, the patterns dominant in the novels were identified. It was found that the pattern of moral soundness and righteous values is very dominant compared to the pattern of beliefs and rites. Due to the fact that the novels of the popular Islamic novels genre targets teenagers, issues of morality and values are used rather than the comparatively heavy religious issues focusing on beliefs (*akidah*) and religious rites (*ibadah*) usually found in Islamic literature. This does not mean that it has been ignored altogether, but merely placed as a secondary element which enforces the aspect of morality and righteousness. On the comparative study front, it was found that novels of this genre which are published in Indonesia contain more popular commercial elements which are more sensational in nature in terms of text structure (internally and externally) compared to the ones published in Malaysia. This can be deduced as the weightage of commercial elements outweigh the Islamic elements portrayed.

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Perbincangan mengenai sastera Islam mula hangat diperkatakan sejak tahun 1970-an dan semakin rancak pada tahun 1980-an kesan daripada polemik di antara Shahnon Ahmad yang mempertahankan slogan ‘seni untuk Allah’ dan ‘berhikmah untuk manusia’ dan Kassim Ahmad yang berpegang kepada konsep ‘seni untuk masyarakat’ dan ‘seni untuk seni’ dalam berkarya. Sesuai dengan zaman kebangkitan Islam dan kesedaran para pengarang terhadap kepentingan Islam dalam karya sastera, maka ramai penulis tempatan mula menulis dan menghasilkan karya-karya yang berunsur Islam. Keghairahan para penulis menghasilkan karya berunsur Islam ini juga turut didorong oleh badan-badan tertentu yang mengadakan banyak peraduan untuk menggalakkan pengarang menulis karya berunsur Islam. Peraduan ini mendapat sambutan lebih-lebih lagi hadiah yang ditawarkan oleh para pengajur juga lumayan. Antara novel yang dihasilkan untuk memasuki peraduan seperti novel *Masuk Ke Dalam Cahaya* (1997) karya Abdullah Hussain, *Tok Bilal* (1985) karya Ibrahim Omar dan *Asyraq* (1987) karya Azizi Haji Abdullah. Karya-karya berunsur Islam yang dihasilkan oleh para pengarang ini kemudian dilabelkan sebagai hasil sastera Islam dan sastera berunsur Islam.

Kebelakangan ini pula, legasi sastera Islam di Indonesia dan Malaysia telah dikomersialkan oleh pihak-pihak tertentu (penerbit dan pengarang)¹ untuk tujuan keuntungan dengan menjalinkan sastera Islam dan sastera popular untuk menambat hati pembaca. Novel-novel ini membawa label-label Islam dengan menggunakan pendekatan sastera popular. Kemunculan novel popular Islami yang mempunyai unsur-unsur pengajaran Islam ini mempunyai pengaruh yang cukup kuat kepada pembaca remaja sama ada yang menuntut di sekolah mahupun yang menuntut di institusi pengajian tinggi. Kehadirannya juga telah membuka ruang semula perdebatan dalam sastera Islam apabila ramai sarjana² yang mempersoalkan kewajarannya. Hal ini kerana, novel-novel ini mempunyai unsur komersial yang sangat kuat untuk disesuaikan dengan cita rasa pembaca pada masa kini. Justeru, muncul istilah-istilah seperti novel pop Islami (novel popular Islami), novel cinta Islami dan novel Islami untuk mengkategorikan novel-novel ini.

Novel popular Islami merupakan fenomena dari Indonesia yang telah meresap masuk ke Malaysia. Di Indonesia, kemunculan novel popular Islami mempunyai sejarah³ yang tersendiri. Ia dikatakan bertujuan untuk memberi bahan bacaan alternatif kepada pembaca di Indonesia yang banyak terdedah dengan bahan bacaan lucah. Mohd Faizal Musa (2012: 40) turut mengaitkan kemunculannya sebagai "...satu reaksi kepada kebanjiran novel erotik..." Hal ini kerana, kesusasteraan Indonesia telah dicemari oleh novel berunsur seks selepas kejatuhan pemerintahan Order Baru yang dimulakan oleh novel *Saman* (1998) karya Ayu Utami.

Seiring dengan perkembangan novel popular Islami di kedua-dua buah negara, maka novel popular Islami telah melahirkan satu genre sastera baharu yang boleh diperikan kerana ia berbeza dengan novel popular dan novel berunsur Islam. Justeru, satu kritikan yang dibangunkan oleh Sohaimi Abdul Aziz akan digunakan untuk mengkaji novel popular Islami untuk melihat unsur Islam yang terdapat di dalam novel-novel ini.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kemunculan novel popular Islami pada hari ini di Indonesia dan Malaysia yang menggunakan Islam sebagai satu unsur penting di dalamnya telah menarik perhatian ramai. Dari segi fizikal, novel-novel ini memakai perkataan yang berunsur Islam sebagai tajuk dan ilustrasi kulit novel. Misalnya, tajuk novel menggunakan perkataan seperti ‘tasbih’ (*Derap-Derap Tasbih*), ‘syurga’ (*Warkah Cinta Berbau Syurga*), ‘syahadat’ (*Syahadat Cinta*), ‘tahajjud’ (*Tahajjud Cinta*), ‘zikir’ (*Zikir-Zikir Cinta*), ‘sakinah’ (*Salju Sakinah*), ‘mukjizat’ (*Mukjizat Cinta*) dan lain-lain. Begitu juga dengan ilustrasi kulit novel yang menampilkan gambar wanita bertudung, berniqab dan gambar lelaki berkopiah atau berserban bagi menunjukkan unsur Islam. Malah di Indonesia, novel-novel ini turut menggunakan *tagline* yang memperlihatkan jalinan unsur Islam seperti ‘Novel Spiritual Pembangun Iman’, ‘Novel Religius Pencetus Kekuatan Hati dan Cinta Sejati’, ‘Novel Inspirasi Religiusitas Iman, Cinta dan Tradisi’, ‘Novel Religius Pembersih Hati dari Noda-noda Cinta dan Emosi’ dan ‘Novel Spiritual Keajaiban Cinta’—(sekadar beberapa contoh). Imej luaran yang Islamik ini menimbulkan beberapa pertanyaan. Adakah Islam benar-benar penting

dan dominan dalam penulisan novel popular Islami atau Islam telah menjadi alat komersialisme dalam sastera khususnya penulisan novel popular Islami? Muncul juga persoalan yang membimbangkan iaitu sejauhmanakah Islam digunakan sebagai bahan komersial demi mengejar kebendaan yang telah mengaburi mata golongan tertentu? Persoalan-persoalan ini menarik untuk dikaji dan diteliti dengan lebih mendalam terutama untuk meneliti hakikat novel popular Islami.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa objektif seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti ciri genre novel popular Islami dengan menggunakan pendekatan generik yang dibangunkan berdasarkan kepada teks (struktur luaran dan dalaman) dan konteks iaitu pembaca, penerbit dan pengarang.
2. Menganalisis genre novel popular Islami Indonesia dan Malaysia untuk meneliti unsur Islam dan komersialisme (unsur sensasi) dalam membentuk genre novel popular Islami ini.
3. Menganalisis pola fitrah manusia yang berkaitan dengan akhlak, akidah dan ibadah dalam novel popular Islami bagi meneliti unsur Islamnya dengan lebih jelas dan sistematik dengan kritikan fitrah.
4. Membandingkan novel popular Islami dari Indonesia dan Malaysia dari segi struktur luaran iaitu tajuk, ilustrasi, *blurb*, *tagline* dan struktur dalaman seperti tema dan persoalan, watak dan perwatakan, teknik penyampaian dan

membandingkan pola fitrah watak dengan kritikan fitrah untuk melihat persamaan dan perbezaan.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dilakukan mempunyai beberapa kepentingan. Antara kepentingan kajian ini ialah, kajian ini dapat menjelaskan konsep novel popular Islami sebagai satu genre sastera baharu dalam kesusasteraan. Teori generik telah digunakan untuk memerikan dan menerangkan ciri-ciri novel popular Islami sebagai satu genre sastera yang memiliki ciri-ciri yang tersendiri. Walaupun ciri-ciri tersebut pernah mewarnai novel-novel berunsur Islam, tetapi ia tidak diperikan sebagaimana yang cuba dilakukan oleh penulis dalam kajian ini. Ciri-ciri tersebut berbeza kerana genre novel popular Islami memperlihatkan jalinan ajaran Islam dan novel popular. Jalinan tersebut telah membentuk satu entiti yang baru iaitu novel popular Islami berdasarkan ciri-ciri yang telah dikenal pasti.

Kepentingan yang kedua ialah, kajian ini dapat membandingkan sejarah bagaimana munculnya novel popular Islami di Indonesia dan Malaysia yang telah berkembang pesat sejak kebelakangan ini. Sejarah ini penting untuk diteliti kerana perkembangannya telah melahirkan genre sastera baharu yang menggunakan sastera Islam dan sastera popular dalam penghasilannya.

Kepentingan yang seterusnya ialah, kajian ini dapat menjelaskan bahawa unsur Islam dan unsur sensasi telah digunakan oleh pengarang dan penerbit untuk memancing minat pembaca. Justeru, kajian ini dapat mengenal pasti sama ada unsur Islam lebih dominan ataupun unsur sensasi lebih dominan dalam penulisan novel popular Islami. Hal ini penting memandangkan novel popular Islami telah mengetengahkan tema percintaan sebagai unsur sensasi manakala unsur Islam dijadikan sebagai skema moral untuk menjaga batasan pergaulan seperti yang disarankan dalam Islam.

Kepentingan yang terakhir ialah kajian ini dapat memberi sumbangan yang penting dalam bidang teori dan kritikan sastera. Di Malaysia, terdapat beberapa sarjana telah mengemukakan teori dan kritikan sastera untuk memahami, menganalisis dan mengkritik hasil karya yang ada hubungannya dengan Islam. Antaranya, gagasan Takmilah oleh Shafie Abu Bakar, gagasan Persuratan Baru oleh Mohd Affandi Hassan dan gagasan Taabudiyyah oleh Mana Sikana – (sekadar beberapa nama). Justeru, kajian ini penting untuk memperkenalkan kritikan fitrah yang telah dikemukakan oleh Sohaimi Abdul Aziz sebagai satu bentuk kritikan sastera yang berasaskan kepada pendekatan dalam Psikologi Islam untuk menilai novel popular yang menggunakan Islam dalam karya. Kritikan fitrah adalah kritikan yang dibangunkan berlandaskan kepada konsep fitrah manusia seperti yang terdapat dalam al-Quran dan hadis.

1.5 BATASAN KAJIAN

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada novel popular Islami Indonesia dan Malaysia yang dipilih berdasarkan kriteria tertentu. Sebanyak sepuluh buah novel yang digunakan iaitu lima dari Indonesia dan lima buah lagi dari Malaysia. Kriteria untuk memilih novel dari kedua-dua buah negara adalah berbeza. Pemilihan novel popular Islami di Indonesia dibuat berdasarkan kepada novel tersebut laris atau *best-seller* di pasaran Indonesia. Novel ini kemudiannya diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia dengan kaedah terjemahan intralingual⁴ iaitu terjemahan bahasa serumpun untuk memenuhi permintaan pembaca di Malaysia. Menerusi kaedah ini, pembaca di Malaysia lebih mudah memahami isi kandungan novel yang telah diterjemahkan menjadi edisi Malaysia. Kesan daripada kaedah terjemahan tersebut juga, novel-novel ini menjadi lebih popular bukan hanya di Indonesia tetapi juga di Malaysia. Selain itu, ada di antara novel-novel ini telah diadaptasi ke media lain (media elektronik) seperti filem, drama dan ada juga yang pernah memenangi anugerah. Seterusnya, para pengarang novel popular Islami ini telah meraih populariti dan dijadikan ikon atau idola oleh pembaca.

Lima buah novel popular Islami yang dipilih ialah *Ayat-Ayat Cinta* (2008) karya Habiburrahman El-Shirazy yang diterjemahkan oleh syarikat penerbitan Al-Hidayah Publishers, *Syahadat Cinta* (2009) karya Taufiqurrahman Al-Azizy dan *Kasidah-Kasidah Cinta* (2009) karya Muhammad Muhyidin diterjemahkan oleh PTS Litera Utama Sdn Bhd (anak syarikat PTS), *Derap-Derap Tasbih* (2008) karya Hadi S. Khuli dan *Tahajjud Cinta* (2009) karya Muhammad El-Natsir diterjemahkan oleh syarikat penerbitan Global Askara Communication Sdn Bhd. Oleh sebab itu, ilustrasi

kulit novel, *tagline* dan *blurb* novel edisi asal Indonesia yang diperolehi daripada internet juga akan digunakan untuk melihat jalinan unsur Islam dan unsur sensasi dalam novel-novel ini memandangkan ia telah diubah oleh syarikat penerbitan Malaysia.

Dari Malaysia, sebanyak lima buah novel telah dipilih iaitu *Tunggu Teduh Dulu* (2011) karya Faisal Tehrani, *Salju Sakinah* (2008) karya Zaid Akhtar, *Warkah Cinta Berbau Syurga* (2009) karya A. Ubaidillah Alias, *Kuseru Namamu Kekasih* (2008) karya Maya Iris dan *Tautan Hati* (2007) karya Fatimah Syarha Mohd Noordin. Novel-novel ini sangat popular dalam kalangan pembaca di Malaysia dan turut dibincangkan dalam laman sesawang oleh para peminat novel.

Semua petikan ayat al-Quran yang digunakan dalam kajian ini diambil daripada *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* yang telah diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri kecuali bagi surah *ar-Rum* ayat 30. Surah *ar-Rum* ayat 30 dipetik daripada *Tafsir Ibnu Katsir* (Jilid 6) kerana terjemahan dalam *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* tidak menggunakan frasa fitrah secara langsung sebagaimana dalam *Tafsir Ibnu Katsir*. Pengertian atau tafsir ayat al-Quran difahami dengan rujukan daripada *Tafsir Al-Azhar* (Hamka), *Tafsir Ibnu Katsir* dan *Tafsir Fi Zilalil Quran Di Bawah Bayangan Al-Quran* (Sayid Qutb).

1.6 KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai novel berunsur Islam yang dikelompokkan sebagai hasil sastera Islam dan dikaji dengan menggunakan teori dan kritikan yang berasaskan kepada pendekatan Islam telah banyak dilakukan oleh para pengkaji. Justeru, beberapa buah eseи tentang novel berunsur Islam dan novel popular Islami boleh dijadikan sebagai asas penting dalam penerokaan kajian tentang novel popular Islami.

Sohaimi Abdul Aziz (2008) telah mengemukakan satu bentuk kritikan baru yang sesuai digunakan untuk mengkaji karya yang menggunakan pendekatan Islam. Kritikan tersebut dinamakan sebagai kritikan fitrah. Dalam kertas kerja yang bertajuk “Kritikan Fitrah ke atas Novel *Ayat-Ayat Cinta*: Satu Pendekatan Psikologi Islam” beliau meneliti novel *Ayat-Ayat Cinta* karya Habiburrahman El-Shirazy dengan mengaplikasikan kritikan ini. Sohaimi memberi penekanan kepada fitrah watak-watak di dalam novel dan mendapati watak-watak dalam novel ini memperlihatkan citra fitrah manusia mengikut Psikologi Islam. Menurut beliau, novel ini bukan sahaja dapat memaparkan watak-watak yang berjaya mengaktualisasikan fitrahnya, tetapi juga mengenai watak yang gagal mengaktualisasikan fitrahnya.

Dalam kertas kerja yang seterusnya, Sohaimi Abdul Aziz (2010) berhasil memperluaskan dan memperhalusi kritikan fitrah. Kertas kerjanya yang bertajuk “Citra Fitrah dalam *Intan Yang Tercanai*: Satu Kritikan Fitrah ke atas Drama Noordin Hassan” menjelaskan konsep fitrah dalam kajian sastera dan mengaplikasikannya ke atas drama Noordin Hassan. Kertas kerja ini kemudiannya diterbitkan dalam (*Dewan Sastera*, Mac 2010) dengan judul yang sama. Dalam

kertas kerja ini, beliau telah mengemukakan tiga prinsip dalam kritikan fitrah iaitu fitrah, estetika dan kritikan. Beliau juga telah menerangkan secara terperinci mengenai kritikan ini dan seterusnya aplikasi dibuat ke atas drama yang mempunyai ajaran Islam iaitu drama yang bertajuk *Intan Yang Tercanai*. Kritikan ini memberi perhatian kepada aspek kejiwaan manusia dan diteliti dengan melihat maksud, pola fitrah dan sistem fitrah. Dalam drama ini, Noordin bukan sahaja memperlihatkan sistem fitrah yang berjaya dilaksanakan tetapi juga sistem fitrah yang gagal dilaksanakan oleh watak-wataknya. Akhirnya, Sohaimi menyimpulkan bahawa kritikan ini dapat menjelaskan dan memahami jiwa manusia yang didasarkan kepada fitrah manusia di dalam ajaran Islam. Kajian ini telah menjadi asas kepada penulis untuk lebih memahami kritikan fitrah dan mengaplikasikan kritikan fitrah ini terhadap novel popular Islami yang dikaji.

Seterusnya, Sohaimi Abdul Aziz (2009) menulis kertas kerja yang bertajuk “*Ranjau Sepanjang Jalan: Menganalisis Rezeki Sebagai Satu Fitrah*.” Sohaimi telah mengaitkan fitrah dengan aspek kemiskinan hidup Lahuma dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*. Beliau cuba menghubungkan kemiskinan Lahuma dengan konsep rezeki sebagai satu fitrah seperti yang dibincangkan dalam Psikologi Islam dan seterusnya melihat bagaimana fitrah rezeki itu diaktualisasikan oleh Lahuma. Hasil analisis terhadap karya ini, beliau mendapati Lahuma gagal mengaktualisasikan potensi fitrah rezekinya. Kertas kerja ini lebih menjurus kepada aspek rezeki dan hubungannya dengan fitrah dan bukan kritikan fitrah. Ia juga tidak membincangkan novel popular Islami Indonesia dan Malaysia sebagaimana yang dilakukan penulis.

Noordin Hassan pernah mengutarakan mengenai fitrah dalam eseи yang bertajuk “Teater Fitrah” dalam (*Dewan Sastera*, September 1983) dan diterbitkan dalam bentuk buku dengan tajuk *Teater Fitrah dan Esei Pilihan* (2002). Dalam eseи ini, pengarang mengemukakan maksud fitrah iaitu fitrah manusia berkehendak iman terhadap Allah dan seterusnya menghubungkan fitrah dengan teater. Menurut pengarang, terdapat beberapa prinsip dalam teater fitrah. Antara prinsip-prinsip tersebut ialah, pengarang yang mengarang teater fitrah mesti menciptanya kerana Allah iaitu berniat untuk membawa manusia ke jalan Islam. Kedua, bahan-bahan untuk menghasilkan teater adalah bebas yang penting mengandungi nilai-nilai Islam. Ketiga, fungsi teater fitrah adalah membawa penonton mengenali dimensi kebatinannya. Menurut pengarang, teaternya yang bertajuk *1400* ialah contoh teater fitrah. Bagi pengarang, walau apa pun kejadian atau kemungkaran yang dilakukan, manusia mesti kembali kepada fitrahnya iaitu beriman kepada Allah. Walaupun begitu, eseи ini bukan merujuk kepada kritikan fitrah sebaliknya lebih tertumpu kepada teater fitrah.

Sahlan Mohd Saman (2002) pernah mengemukakan satu teori kritikan sastera yang baru berasaskan fitrah iaitu Teori Fitrah Gerak dalam kertas kerja bertajuk “Teori Fitrah Gerak: Terapan ke atas cerpen Keris Mas.” Telos atau gerak watak utama cereka dijadikan pusat perhatian dalam teori Fitrah Gerak gagasan Sahlan Mohd Saman. Teori Fitrah Gerak mengambil asasnya daripada telos Aristotle yang membawa pemaknaan falsafah kewujudan “*that for the sake of which a thing is*” seperti kebesaran Allah SWT yang menyatakan bahawa segala kejadian di alam ini ada rahmat-Nya (ada sebab diwujudkannya). Aplikasi teori ini telah diterapkan ke atas cerpen “Hallucination” dan cerpen “Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan”.

Kertas kerja ini membincangkan teori yang dinamakan teori fitrah gerak dan bukan kritikan fitrah.

Shafie Abu Bakar (*Dewan Sastera*, Jun 2009) telah menulis tentang fitrah dalam eseи bertajuk “Sastera Islam Prinsip, Fitrah dan Tarbiah.” Melalui eseи ini, Shafie menghuraikan tentang kepengarangan penulis Muslimah. Penulis Muslimah perlu memahami akidah Islam dan penulisan perlu selari dengan pegangan akidahnya. Dalam memperkatakan mengenai fitrah, Shafie mengatakan bahawa semua kejadian alamiah tabiiah patuh tunduk pada fitrah *Rabbaniyah*. *Rabb* iaitu sifat ketuhanan mendidik dan memelihara dengan kelangsungan menurut fitrah. Justeru, penulis Muslimah mesti mengembangkan Islam menerusi penulisan kreatif. Esei ini tidak membincangkan maksud fitrah seperti yang dibincangkan dalam kritikan fitrah yang menggunakan sumber al-Quran dan hadis.

Kajian mengenai fitrah juga pernah dilakukan oleh Noor Azlinda Omar (2009) dari Universiti Sains Malaysia dalam disertasi sarjananya yang bertajuk “Citra Fitrah dalam Novel Kanak-kanak karya Nazel Hashim Mohamad: Satu Kajian Psikologi Islam.” Dalam kajian ini, Noor Azlinda menggunakan kajian Psikologi Islam untuk menganalisis novel kanak-kanak yang berunsur Islam. Kajian ini telah mengenal pasti citra fitrah dan halangan bagi kanak-kanak mengaktualisasikan citra fitrahnya. Halangan tersebut ialah hasil pengaruh rakan sebaya, keluarga dan masyarakat. Disertasi ini telah membincangkan tentang fitrah dalam Psikologi Islam, tetapi ia tidak menggunakan kritikan fitrah untuk menganalisis novel kanak-kanak.

Berkaitan dengan sejarah novel di Indonesia, satu esei oleh A.A Navis (*Dewan Sastera*, September 1991) yang bertajuk “Kecenderungan Novel Indonesia Mutakhir” dapat menjelaskan tentang kecenderungan novel di Indonesia. Esei ini membahagikan tiga tahap novel yang mengalami fasa perubahan dan perkembangan seiring dengan perkembangan politik di Indonesia. Menurut beliau, pada peringkat pertama novel-novel ini mengangkat tema tentang suasana yang berlaku semasa dan selepas perang kemerdekaan. Kemudian, ia berkembang kepada penulisan novel yang lebih realistik dan lebih individualistik oleh para pengarang. Dalam zaman tersebut, tema tentang perjuangan bangsa tidak lagi diberi perhatian. Seterusnya, pada zaman Order Baru, penerbit tidak berani untuk menerbitkan novel kerana mereka tidak mahu menanggung kerugian apabila novel tidak laku dijual. Semuanya berlaku disebabkan politik dan kuasa pemerintah yang mengawal kebebasan pengarang untuk berkarya.

Dalam konteks kajian mengenai novel popular Islami, beberapa buah esei oleh Mohd Zariat Abdul Rani dapat dijadikan panduan untuk memahami bagaimana novel popular Islami telah mencetuskan fenomena dan berkembang dalam dunia kesusteraan dan beberapa ciri-ciri penting dalam novel popular Islami. Mohd Zariat (2010) dalam kertas kerja yang bertajuk “Popular Islamic Novels of Indonesia and Malaysia: A Preliminary Exploration” telah meneliti fenomena novel popular Islami yang telah muncul di Indonesia dan Malaysia sejak beberapa tahun yang lalu dan masih aktif sehingga kini. Di Indonesia, fenomena ini telah dicetuskan oleh novel *Ayat-Ayat Cinta* karya Habiburrahman El-Shirazy, diikuti oleh beberapa buah novel seperti *Syahadat Cinta* karya Taufiqurrahman Al-Azizy, *Mukjizat Cinta* karya Muhammad Masykur A.R Said dan *Kasidah-Kasidah Cinta* karya Muhammad

Muhyidin. Di Malaysia, fenomena ini telah dicetuskan oleh novel *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar kemudian diikuti oleh novel *Warkah Cinta Berbau Syurga* karya A.Ubaidillah Alias, *Hidayah Cinta* karya Ilham Hamdani dan *Rona-Rona Cinta Damascus* karya Sheila Wani.

Menurutnya lagi, novel-novel ini cenderung untuk menampilkan citra Islam melalui penampilan luaran novel seperti judul novel, ilustrasi, *blurbs* (ringkasan penerbit) dan biodata penulis. Pengarang cuba mengenal pasti mesej-mesej yang terkandung di dalam novel popular Islami tersebut dan seterusnya mensintesis dan menawarkan standard yang boleh dipetik daripada novel popular Islami Indonesia dan Malaysia. Kajian Mohd Zariat dapat menjadi titik tolak kepada penulis untuk mencirikan genre novel popular Islami dan melengkapkan lagi ruang kosong yang ada.

Kajian mengenai novel popular Islami *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar dan *Warkah Cinta Berbau Syurga* karya A. Ubaidillah Alias pernah ditulis oleh Mohd Zariat Abdul Rani (2011) dengan tajuk kertas kerja “Kisah Cinta di Bumi Anbiya: Satu Analisis Teks Terhadap Novel-Novel Popular Islami Karya Para Penulis Lulusan Timur Tengah.” Dalam kertas kerja ini, pengarang telah menganalisis tema-tema dalam novel popular Islami karya para penulis lulusan Timur Tengah. Novel-novel yang dikaji ialah *Rona-Rona Cinta Damascus* karya Sheila Wani, *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar dan *Warkah Cinta Berbau Syurga* karya A.Ubaidillah Alias. Hasil daripada analisis, beliau mendapati novel-novel ini cenderung membawakan tema percintaan yang terjalin dalam kalangan mahasiswa yang menuntut di Timur Tengah. Islam pula dijadikan sebagai skema moral yang melingkungi kisah percintaan yang dipaparkan dalam novel-novel kajian. Kajian ini dapat memberi maklumat tambahan

kepada penulis untuk memahami tema-tema yang mendominasi penulisan novel popular Islami.

Hasil daripada beberapa kertas kerja yang telah ditulis oleh Mohd Zariat Abdul Rani (2012) satu lagi jurnal telah dihasilkan yang mengkaji novel *Ayat-Ayat Cinta* dan *Syahadat Cinta* dengan tajuk “Islam, Romance and Popular Taste in Indonesia: A Textual Analysis of *Ayat-Ayat Cinta* by Habiburrahman El-Shirazy and *Syahadat Cinta* by Taufiqurrahman Al-Azizy.” Hasil analisis beliau, didapati bahawa dua aspek penting dalam pembinaan naratif kedua-dua buah novel ini iaitu Islam dan kisah percintaan atau *love story*. Kajian ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan oleh penulis kerana penulis mengkaji sepuluh buah novel popular Islami dari Indonesia dan Malaysia.

Satu latihan ilmiah yang mengkaji novel *Ayat-Ayat Cinta* dan *Salju Sakinah* dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah ditulis oleh Liza Dadie (2009) dengan tajuk “Mesej Dakwah dalam Novel *Ayat-Ayat Cinta* dan *Salju Sakinah*.” Menerusi kajian ini, pengarang telah mengenal pasti dan menganalisis mesej dakwah yang disampaikan oleh kedua-dua orang pengarang novel ini dalam usaha untuk menyampaikan pengetahuan agama Islam kepada pembaca. Kaedah kajian yang digunakan ialah analisis kandungan (isi cerita). Hasil kajian menunjukkan, terdapat banyak mesej dakwah yang ingin disampaikan oleh kedua-dua novelis ini. Hal ini membuktikan bahawa penulisan novel juga boleh diangkat sebagai salah satu cara untuk menyampaikan dakwah. Oleh yang demikian, kajian ini telah membantu penulis untuk memahami kedua-dua buah novel yang bernuansa Islam ini.

Satu lagi kajian terhadap novel *Salju Sakinah* telah dilakukan oleh Kamariah Kamarudin dan Pabiyah Haji Maming (2008) dari Universiti Putra Malaysia dalam kertas kerja bertajuk “Bahasa dan Pemerkasaan Masyarakat dalam Novel-novel Berunsur Islam.” Menerusi eseи ini, pengarang mengetengahkan nilai-nilai *al-Khayr* (kebaikan) dalam konteks Islam iaitu hal-hal yang menjurus kepada kebaikan yang direstui oleh Allah SWT dalam galur kehidupan manusia dalam novel *Salju Sakinah*. Nilai-nilai kebaikan ini dapat dilihat menerusi watak-watak utama yang unggul yang berperwatakan mulia iaitu berakhhlak mulia, bersopan santun, berhemah tinggi, bertimbang rasa, berperikemanusiaan, mengajak kepada kebaikan, berbaik dengan jiran dan berkasih sayang seperti yang dituntut dalam Islam. Novel *Salju Sakinah* yang dikaji dilabelkan sebagai novel berunsur Islam oleh kedua-dua orang pengarang, sebaliknya penulis mengelompokkan novel ini sebagai novel popular Islami dalam kajian yang dilakukan ini.

Kajian tentang novel berunsur Islam boleh dilihat menerusi Kamariah Kamarudin (2006) dalam tesis doktor falsafah (Universiti Malaya) dengan tajuk “Novel-Novel Berunsur Islam: Satu Analisis Berdasarkan Teori Takmilah” dan telah dibukukan dengan tajuk *Takmilah Dalam Novel Melayu* (2011). Kajian ini meneliti tentang konsep-konsep Islam iaitu akidah, khalifah, dakwah dan jihad dalam novel-novel berunsur Islam. Novel-novel yang berunsur Islam yang dipilih oleh pengarang terdiri daripada novel-novel yang pernah memenangi peraduan, anugerah dan hadiah. Teori Takmilah yang telah diasaskan oleh Shafie Abu Bakar dijadikan sebagai landasan untuk menganalisis novel-novel tersebut. Hasil daripada analisis berdasarkan pemikiran dalam karya dan analisis teknik dan keindahan dalam karya, didapati rata-rata pengarang mengemukakan konsep-konsep Islam dalam novel yang berunsur

Islam. Kajian ini bagaimanapun menggunakan novel berunsur Islam yang berada dalam kategori novel serius dan bukan novel popular Islami.

Kajian mengenai novel *Ayat-Ayat Cinta* bukan hanya tertumpu pada aspek keagamaan, tetapi juga turut menyumbang kepada kajian terjemahan bahasa. Di Malaysia, Salinah Ja'afar dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2009) telah menulis esei yang bertajuk “Perubahan Makna Kata Seerti dalam Terjemahan Indonesia-Melayu: Penelitian Penggunaan Kata dan Kesan Penghayatan Pembaca dalam novel *Ayat-Ayat Cinta*.” Dalam esei ini, pengarang membuat perbandingan antara novel *Ayat-Ayat Cinta* versi Malaysia dan versi Indonesia untuk melihat perubahan makna terjemahan Indonesia-Melayu. Seterusnya, pengarang telah menganalisis perubahan makna kata-kata seerti yang digunakan dalam terjemahan novel *Ayat-Ayat Cinta* dan mengaitkan penggunaan kata-kata tersebut dengan kesan penghayatan pembaca terhadap terjemahan yang dihasilkan. Kajian ini menjurus kepada kajian bahasa dan bukan dalam konteks analisis watak dan perwatakan dalam novel.

Di Indonesia, ramai pengkaji yang telah mengkaji novel *Ayat-Ayat Cinta* karya Habiburrahman El-Shirazy dalam bentuk kajian latihan ilmiah. Dalam kajian mereka, pelbagai topik atau isu telah dikaji antaranya mengenai citra perempuan dalam novel, gaya bahasa dan fungsi dalam novel, akhlak dalam novel, pengaruh dakwah dalam novel, humanisme dalam novel, aspek religius (keagamaan) dalam novel dan manifestasi cinta dalam perspektif pendidikan akhlak dalam novel. Berikut ialah beberapa contoh latihan ilmiah mengenai novel *Ayat-Ayat Cinta* yang diperolehi dari laman web perpustakaan di Indonesia.

Yudianti (2006) dari Universitas Negeri Malang telah menulis latihan ilmiah yang bertajuk “Motivasi Penulisan Novel *Ayat-Ayat Cinta* karya Habiburrahman El-Shirazy.” Dalam kajian ini, pengarang telah mendekripsi faktor yang menjadi pendorong atau motivasi yang menyebabkan Habiburrahman menulis novel ini dengan menggunakan teknik wawancara dengan pengarangnya. Hasil kajian, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan Habiburrahman menulis novel ini. Pertama, minat yang mendalamnya dalam bidang penulisan yang diserahkan menerusi watak Nurul, Noura dan Fahri dalam *Ayat-Ayat Cinta*. Kedua mahu berdakwah iaitu mengajak manusia mendekatkan diri kepada Allah dengan menggarap watak-watak yang mempunyai kelebihan seperti hafaz al-Quran yang boleh dilihat menerusi watak Fahri dan watak yang cemerlang dalam pelajaran menerusi watak Maria.

Asep Supriadi (2006) dari Universitas Diponegoro Semarang telah menghasilkan tesis sarjana yang bertajuk “Transformasi Nilai-nilai ajaran Islam dalam *Ayat-Ayat Cinta* karya Habiburrahman El-Shirazy: Kajian Interteks.” Kajian ini menggunakan teori intertekstual yang telah diperkenalkan oleh Mikhail Bakhtin untuk meneliti novel *Ayat-Ayat Cinta* bagi mencari hubungan teks *Ayat-Ayat Cinta* dengan teks lain. Tujuannya ialah untuk mencari nilai-nilai Islam yang terkandung dalam novel tersebut. Kajian mendapati *Ayat-Ayat Cinta* mengandungi nilai-nilai Islam seperti yang terdapat dalam rukun Islam dan rukun Iman yang bersumber daripada al-Quran dan hadis.

Rendi Farhanuddin (2009) dari Universitas Ahmad Dahlan, Yogyakarta telah menyiapkan latihan ilmiah bertajuk “Keperibadian Tokoh Utama Novel *Syahadat Cinta* karya Taufiqurrahman Al-Azizy: Kajian Psikologi Islam.” Hasil kajian, pengarang mendapat terdapat tiga jenis keperibadian dalam novel *Syahadat Cinta* iaitu keperibadian *ammarah* antaranya bangga dengan kekayaan, kufur, jahat, marah dan cemburu, keperibadian *lawwamah* seperti bertaubat dan memohon ampun kepada Allah dan keperibadian *mutmainnah*. Kajian ini dapat membantu penulis untuk memahami aspek nafsu yang telah dibincangkan menerusi novel ini.

Alimul Huda (2008) dari IAIN Wali Songo Semarang juga telah menulis latihan ilmiah yang bertajuk “Nilai-Nilai Pendidikan Islam dalam Novel *Syahadat Cinta* karya Taufiqurrahman Al-Azizy.” Kajian ini menggunakan pendekatan strukturalisme semiotik untuk menganalisis novel *Syahadat Cinta*. Kajian mendapat, novel ini mempunyai nilai-nilai pendidikan Islam dan dapat dikelaskan dalam tiga kategori iaitu nilai-nilai pendidikan keimanan (terdiri daripada nilai Ilahiyyah Ubudiyah iaitu pertama ajaran untuk selalu beriman kepada Allah, beriman kepada kitab Allah dan Ilahiyyah Muamalah iaitu ajaran berkenaan kepentingan sikap sabar dan ikhlas. Kedua, nilai-nilai pendidikan syariah (berkenaan solat dan ajaran tentang thaharoh) dan ketiga iaitu nilai-nilai pendidikan akhlak (iaitu nilai insaniah tentang etika bercakap dengan lelaki, ajaran mengenai hubungan lelaki dan perempuan, bersedekah, sikap memaafkan dan ajaran mengenai sikap saling tolong-menolong.

Seterusnya, novel *Syahadat Cinta* juga telah dikaji oleh Nurul Hidayah (2011) dari Universitas Muhammadiyah Surakarta. Tajuk kajian tersebut ialah “Aspek Religius dalam Novel *Syahadat Cinta* karya Taufiqurrahman Al-Azizy Tinjauan: Sosiologi

Sastera.” Melalui kajian ini, pengarang telah mendeskripsikan aspek religius (agama) dalam novel *Syahadat Cinta* dengan menggunakan pendekatan Sosiologi Sastera. Hasil kajian, pengarang mendapatkan dua aspek keagamaan telah dikenal pasti dalam novel *Syahadat Cinta* iaitu sikap ikhlas dan sikap pasrah dengan ketentuan Allah dalam kehidupan manusia.

Kajian mengenai novel *Derap-Derap Tasbih* telah dilakukan oleh Siti Maimunah (2010) dari Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga, Yogyakarta dalam latihan ilmiah bertajuk “Pesan Dakwah dalam Novel *Derap-Derap Tasbih* karya Hadi S. Khuli.” Dalam kajian ini, Siti Maimunah telah menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis pesan dakwah dalam novel *Derap-Derap Tasbih*. Hasil kajian menunjukkan bahawa novel ini mempunyai tiga pesan dakwah yang ingin disampaikan oleh pengarang iaitu berkenaan akidah, syariat dan akhlak yang digambarkan menerusi watak-wataknya. Kajian oleh Siti Maimunah ini dapat memberi panduan kepada penulis untuk memahami novel *Derap-Derap Tasbih*.

1.7 KERANGKA TEORI DAN KONSEPTUAL

Kajian ini bertitik tolak daripada dua kerangka teori iaitu teori genre dan teori Psikologi Islam yang menjadi dasar kepada kritikan fitrah. Justeru, kajian ini akan menerangkan teori genre dan beberapa kerangka konsep yang berkaitan dengannya. Antara konsep penting yang dibincangkan seperti budaya popular dan cereka popular (novel popular), sejarah kemunculan novel popular di Indonesia dan Malaysia, sastera Islam, sastera berunsur Islam dan novel popular Islami. Perbincangan akan

lebih menyeluruh dan jelas kerana konsep-konsep yang dibincangkan di atas berkait rapat di antara satu sama lain. Teori Psikologi Islam yang menjadi asas dalam kritikan fitrah juga akan diterangkan. Perbincangan yang lebih terperinci tentang teori genre dan Psikologi Islam dalam konteks kritikan fitrah akan dibincangkan dalam bab dua dan bab tiga.

1.7.1 Teori Genre

Meskipun teori genre merupakan salah satu disiplin dalam Kesusasteraan Bandingan untuk melihat persamaan dan perbezaan karya yang berasaskan genre yang sama, namun ingin ditekankan bahawa kajian ini bukan dalam konteks Kesusasteraan Bandingan. Sebaliknya, pendekatan generik digunakan untuk mengenal pasti ciri-ciri genre novel popular Islami. Pendekatan generik merupakan salah satu daripada pendekatan untuk menjelaskan tentang genre dari segi maksud dan bentuk. Genre yang dirujuk di sini ialah genre sastera. Menurut Danziger dan Johnson (1983: 107) “istilah genre berasal dari bahasa Perancis yang asalnya dari bahasa Latin, *genus*, *generis* yang bererti jenis atau tipa.”

Menurut Wellek dan Warren (1988: 383, lihat juga Sohaimi Abdul Aziz, 2001: 17-18) “genre boleh berdiri sebagai satu institusi. Sebagai institusi, genre dapat berkembang dan berubah sesuai dengan perubahan masa. Seterusnya, genre juga dikatakan berkembang secara berperingkat-peringkat dan wujud sebagai satu fenomena yang bergerak, bukan kaku ataupun beku.”

Novel merupakan salah satu genre dalam sastera dan genre ini berdiri sendiri. Memetik pandangan Danziger dan Johnson (1983: 112) “sebagai sebuah genre, novel amat mudah *flexible* hingga ia boleh diterangkan sebagai sebuah karya prosa naratif yang panjang. Malah novel terdiri dari pelbagai *sub-type...*” Perbincangan tentang *sub-type* genre novel telah memunculkan beberapa genre novel yang mempunyai ciri-ciri khusus seperti bentuk, isi, nada, watak dan plot seperti novel *Gothik* (misteri, fantasi dan cereka sains), novel warkah (surat), novel psikologi, novel alam, novel sosial, novel satira, novel sejarah dan novel siasatan.⁵

Oleh sebab kajian ini memberi perhatian kepada genre novel popular Islami yang merupakan gabungan daripada dua genre novel iaitu novel popular dan novel berunsur Islam, maka kerangka konseptual yang berkaitan dengannya akan dibincangkan. Hal ini kerana, kedua-dua genre ini telah memunculkan satu genre sastera baharu iaitu novel popular Islami yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan novel popular dan novel berunsur Islam.

1.7.1.1 Budaya Popular dan Cereka Popular

Oleh sebab cereka popular tidak dapat dipisahkan daripada budaya popular, maka adalah penting untuk menjelaskan tentang budaya popular dalam konteks cereka popular. John Storey dalam buku *Cultural Theory and Popular Culture* memberikan enam definisi budaya popular. Definisi-definisi tersebut ialah (2001: 6-14):

1. Budaya popular ialah budaya yang digemari oleh ramai orang “*popular culture is simply culture which is widely favoured or well liked by many people*”
2. Budaya popular ialah budaya yang tidak memenuhi pensyaratan budaya tinggi atau dengan kata lain budaya popular ialah budaya

- substandard “*In other words, it is a definition of popular culture as inferior culture*”.
3. Budaya popular ialah budaya massa “*popular culture is a mass culture*”.
 4. Budaya popular berasal daripada rakyat “*popular culture is the culture which originates from the people*”.
 5. Budaya popular ialah tempat berlakunya pergulatan atau pertarungan ideologi antara kelas dominan dan kelas bawahan (yang didominasi). Definisi ini diambil oleh John Storey daripada tokoh Marxis yang terkenal dengan konsep hegemoninya iaitu Antonio Gramsci.
 6. Budaya popular berasal daripada budaya pasca moden. Budaya pasca moden tidak mengakui wujudnya perbezaan antara budaya tinggi dan budaya popular dengan mengatakan semua budaya adalah budaya pascamoden “*popular culture is one informed by recent thinking around the debate on postmodernity. Postmodern culture is a culture which no longer recognizes the distinction between high and popular culture*”.

Berdasarkan definisi yang diberikan oleh John Storey, maka definisi budaya popular yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada definisi yang pertama iaitu budaya popular ialah budaya yang digemari ramai orang.

Budaya popular ini telah dicipta oleh para kapitalis untuk memenuhi cita rasa pengguna. Ekoran itu wujud industri yang berdasarkan budaya popular yang dikenali sebagai industri kreatif. Salah satu produk budaya popular ialah cereka popular dan budaya popular kini menjadi sebahagian daripada industri kreatif yang sedang berkembang pesat. Produk budaya popular telah dicipta oleh individu dan kemudian oleh kapitalis dan menjadikannya sebagai satu perniagaan:

...popular culture products were created, first by individuals, and then by capitalists, who turned popular culture into business enterprise
 (Abdul Majid, 1983: 113).

Penghasilan sastera sebagai sebahagian daripada industri kreatif turut mempengaruhi perkembangan struktur, bentuk, gaya penulisan dan tema karya sastera tersebut kerana disesuaikan dengan cita rasa pembaca massa. Justeru, novel popular adalah

salah satu produk budaya popular yang lahir dan berkembang di dalam sistem ekonomi kapitalis bagi memenuhi keperluan masyarakat. Dengan kata lain, nilai komersialisme menjadi tunggak yang penting dalam industri kreatif yang merupakan produk budaya popular.

Terdapat beberapa istilah digunakan oleh para pengkaji sastera apabila membincangkan novel popular antaranya ‘cereka popular’, ‘novel pop’ dan ‘karya pop’. Istilah ‘pop’ adalah singkatan daripada perkataan ‘popular’ yang digunakan secara meluas ketika membincangkan novel popular. Walter Nash dalam buku *Language in Popular Fiction* (1990: 4) telah menggunakan istilah cereka popular dan mengatakan bahawa “cereka popular tidak mempunyai nilai ataupun merit”. Menurutnya, karya popular boleh disamakan dengan satu artikel yang mengandungi pengajaran yang amat ringkas dan mudah. Tambah Nash lagi:

...Pop fiction, the disposable article, is committed to the simplest moralities, the crudest psychologies, and has few philosophical pretensions (Nash, 1990: 3).

Scott McCracken dalam buku *Pulp: Reading Popular Fiction* (1998) juga menggunakan istilah cereka popular untuk membincangkan novel popular. Menurutnya, cereka popular ialah karya yang dibaca oleh ramai orang dan merupakan produk industri sama seperti filem, radio dan televisyen yang menjadi bahan hiburan kepada orang ramai. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan berikut:

...popular fiction simply as fiction that is read by large numbers of people... Contemporary popular fiction is the product of a huge entertainment industry. Written fiction is only a part of that industry, which markets and sells popular narratives for film, radio, television and periodicals as well as in book form. To study popular fiction, then, is to study only a small part of popular culture... (McCracken, 1998: 1).